

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEDUA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11 Mac 2009**

**SOALAN**

YB Dato' Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan peranan Kementerian membantu keluarga yang mempunyai anak kurang upaya dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan elaun khas bagi ibu kepada anak kurang upaya yang terpaksa meninggalkan kerjaya mereka.

## **JAWAPAN**

JAWAPAN : Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap golongan masyarakat yang memerlukan bantuan termasuk keluarga yang mempunyai anak kurang upaya. Untuk makluman Yang Berhormat, JKM menyediakan Skim Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar dengan kadar RM300 seorang sebulan untuk meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh penjaga atau keluarga OKU berkenaan. Selain itu, mulai tahun 2009, Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dengan kadar RM150 seorang sebulan juga telah diperkenalkan. Skim ini diberikan untuk membantu OKU yang tidak mampu untuk bekerja serta mengurangkan beban kewangan kepada keluarga OKU tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian belum bercadang untuk memberikan elauan khas bagi ibu kepada anak kurang upaya yang terpaksa meninggalkan kerjaya mereka untuk menjaga anak OKU berkenaan.

